


**RAWATAN PEMBEDAHAN
SISTEM INSTRUMENTASI
DAN GABUNGAN TULANG
BELAKANG UNTUK
PESAKIT SCOLIOSIS
IDIOPATIK REMAJA**

GERBANG VARSITI KITA
Korpus Sejarah UKM

22 pesakit scoliosis idiopatik remaja telah dirawat menggunakan teknik rawatan pembedahan sistem instrumentasi dan gabungan tulang belakang. Teknik rawatan yang dibangunkan oleh Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) pada tahun 1992 hingga 1998 ini diketuai oleh Prof. Datuk Dr. Mohamad Abdul Razak, Jabatan Ortopedik dan Traumatologi, HUKM.

Tulang belakang bengkok atau ‘Scoliosis’ merupakan kondisi yang kebiasaananya berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. ‘Scoliosis’ merupakan penyakit atau kondisi di mana tulang belakang seseorang itu bengkok ke kiri atau ke kanan. Malahan bukan sahaja ia membengkok ke tepi, tetapi tulang belakang tersebut juga akan berputar pada paksi vertikalnya. ‘Scoliosis’ lebih kerap berlaku dalam kalangan wanita iaitu sebanyak 2 peratus berbanding lelaki hanya 0.5 peratus.



Rawatan ini dijalankan di antara bulan Mei 1992 hingga Oktober 1998, 22 pesakit yang menghidap penyakit scoliosis idiopatik remaja telah dirawat dan dibuat pemantauan susulan selama 2 tahun dengan purata pesakit yang memerlukan pemantauan ialah selama 2.9 tahun.

Selain itu, purata hasil pembetulan pembedahan

sudut Cobb ialah 53.5 peratus, dengan julat 33 peratus hingga 81 peratus. Imobilisasi selepas pembedahan ialah maksimum selama enam bulan. Hasil pembedahan ini juga mendapati tiada kecederaan saraf direkodkan, tiada jangkitan luka dalam, dan tiada bukti penyakit pseudarthrosis. Hanya tiga komplikasi berlaku dan komplikasi ini tidak mengganggu proses rawatan tersebut.

Teknik ini selamat dan berjaya mencapai objektif bagi memberi rawatan berkesan untuk penyakit scoliosis idopatik remaja.

Sumber :

- Buku Warisan Harta Intelek UKM. 2013
- <https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/11200040/>
- <https://www.semanticscholar.org/paper/The-HUKM-Spinal-Instrumentation-System-for-A-study-Azlan-Mohammad/c44bd69b7f6880058edc5a0555ae01a339f34741>